

04/03/2003

Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia bukan konsert

Pencinta Keamanan

SAYA tertarik dengan pandangan tulisan Antigimik dan Keganasan, Kuala Lumpur yang disiarkan dalam ruangan ini pada minggu lalu. Penulis mempertikaikan mengapakah kemunculan penyanyi Siti Nurhaliza pada Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia pada 23 Februari lalu di Bukit Jalil,

Kuala Lumpur begitu lewat sekali.

Dalam tulisannya, penulis mengatakan bahawa orang ramai lemas menanti kemunculan penyanyi itu kerana Siti Nurhaliza adalah tarikan utama pada malam itu. Beliau mendakwa kononnya penganjur sengaja meletakkan kemunculan artis itu lewat supaya orang ramai tidak pulang lebih awal. Ini

berdasarkan andaian jika Siti Nurhaliza muncul awal, pasti ramai yang pulang lebih awal selepas menyaksikan persembahannya.

Pada saya, pandangan ini cukup dangkal dan cetak. Umum mengetahui bahawa

perhimpunan yang disertai lebih 250,000 orang itu sebagai sokongan rakyat

Malaysia terhadap keamanan dunia. Ini bukan satu konsert.

Lebih 250,000 rakyat Malaysia berhimpun di Bukit Jalil sebagai bukti bahawa rakyat Malaysia cintakan keamanan dan bencikan peperangan. Mereka mahu mendengar ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Adakah persembahan Siti Nurhaliza lebih penting daripada mendengar amanat Dr Mahathir. Inilah yang berlaku kepada sesetengah pihak yang terlalu fanatik terhadap seseorang.

Saya yang turut bersama rakyat Malaysia lain pada malam itu dapat merasakan bagaimana bersemangatnya kami apabila mendengar amanat Perdana Menteri.

Kami datang ke Bukit Jalil pada malam itu bukan untuk menyaksikan persembahan Siti Nurhaliza, tetapi sebagai sokongan terhadap usaha Malaysia bagi menyuarakan keamanan dunia. Ini yang lebih penting daripada berhibur semata-mata.

Jika Siti Nurhaliza tidak diundang pada malam itu pun, rakyat Malaysia akan berduyun-duyun membanjiri Stadium Bukit Jalil. Ini kerana sejak awal

kempen Aman Malaysia dilancarkan rakyat menunjukkan sokongan padu terhadap usaha itu.

Kita janganlah fikirkan sangat soal mahu berhibur pada malam itu kerana

jika itu niatnya, pergilah ke konsert.

Memang tidak dinafikan sistem bunyi pada malam itu tidak sempurna. Tetapi perlu diingat dalam keadaan rakyat yang begitu ghairah dan bersemangat bersama pemimpin tercinta, pastilah laungan, sorakan dan tepukan mereka mengatasi segala-galanya.

Sebenarnya, rakyat Malaysia pada malam itu puas hati kerana perhimpunan

itu berjaya menyampaikan suara hati kami yang cintakan keamanan.

PENCINTA KEAMANAN,
Kuala Lumpur.